

B633:

MAHATHIR-PENGELUARAN

1980

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA MALAM INI BAHAWA PENERIMAAN MASUK TENAGA BURUH DARI SEBERANG LAUT TIDAK AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH KEKURANGAN BURUH DISEKTOR PENGI- LANG DI NEGARA INI.

KATANYA, MALAYSIA MASIH MEMPUNYAI KADAR PENGANGURAN 5.3 PERATUS DAN DENGAN ITU MEMBAWA MASUK TENAGA BURUH ADALAH TIDAK WAJAR.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MENJAWAB SERUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA NEGERI PENGI LANG-PENGI LANG MALAYSIA (FMM) YANG MEMINTA KERAJAAN MENOLONG MENGHALANG PEMERGIAN TENAGA BURUH KE NEGARA-NEGARA JIRAN SEPERTI SINGAPURA DAN MEMINTA TENAGA BURUH LUAR NEGERI DIBENARKAN DIBAWA MASUK.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN TAHUNAN PERSEKUTUAN ITU MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYEDARI BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT DI PUSAT-PUSAT BANDAR DI MALAYSIA MUNGKIN MENGHADAPI KEKURANGAN TENAGA BURUH.

BAGAIMANAPUN, RAMAI TENAGA BURUH MASIH DIDAPATI DI NEGERI-NEGERI KELANTAN, TRENGGANU DAN PAHANG, TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 2243/ZCM

MAHATHIR-PENGELUARAN 2 KUALA LUMPUR

154

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENGGESA PENGI LANG-PENGI LANG TEMPATAN DAN LUAR NEGERI YANG MENJALANKAN PERUSAHAAN DI SINI SUPAYA MENIMBANG UNTUK MELUASKAN PERUSAHAAN MEREKA DI LUAR KAWASAN PUSAT BANDAR.

MENURUTNYA, KERAJAAN TELAH MEMBERI SEGALA GALAKAN DAN SOKONGAN BAGI MEMBOLEHKAN SYARIKAT-SYARIKAT ITU MENDIRIKAN KILANG DI KAWASAN KURANG MEMBANGUN.

BAGI SYARIKAT-SYARIKAT DI PUSAT BANDAR, BELIAU MENYARANKAN SUPAYA MEREKA MENINGKATKAN TEKNOLOGI, MODAL DAN PENGELUARAN DENGAN TENAGA BURUH YANG ADA.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA MEREKA MENGAJAI STRUKTUR GAJI DAN CUBA BANDINGKAN DENGAN YANG DIBAYAR DI NEGARA-NEGARA MAJU.

+WALAUPUN MEREKA TIDAK DAPAT MEMBAYAR GAJI YANG SELARAS SE- PERTI YANG DIBAYAR OLEH NEGARA-NEGARA MAJU, PERBEZAAN HARUS ME- MUSABAH,+ TEGASNYA. — BERSAMBUNG 2245/ZCM

B635

MAHATHIR-PENGELUARAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGSYORKAN SUPAYA FMM MENGANJURKAN ROMBONGAN PERDAGANGAN KE JERMAN BARAT SEBAGAI IKUTAN SEMINAR YANG DIADAKAN OLEH KERAJAAN DI NEGARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU PERSEKUTUAN ITU BAGI MENJAGA MUTU BARANGAN YANG DIKELUARKAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERHARAP FMM AKAN MENENTUKAN BAHAWA TAHUN LAPAN PULUHAN TALAH UNTUK MENJAGA MUTU KELUARAN MALAYSIA DIPERING- KAT ANTARABANGSA. —BERNAMA 2240/MD